



KENYATAAN MEDIA
PELUASAN SKOP PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO MELALUI
SUBSIDI SARINGAN KEPADA MAJIKAN

PUTRAJAYA, 31 MEI 2020 – Kementerian Sumber Manusia komited untuk meningkatkan capaian ujian saringan COVID-19 kepada pekerja menerusi Program Saringan Prihatin (PSP) yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kementerian Sumber Manusia, berserta Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kerja Raya telah bersetuju supaya skop PSP PERKESO dipeluaskan dengan **menambah bilangan penyedia perkhidmatan saringan COVID-19**.

Selari dengan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat, Kementerian Sumber Manusia, melalui PERKESO akan menyediakan **subsidi saringan kepada majikan bagi ujian COVID-19 yang dilakukan di bawah PSP PERKESO**. Majikan dibenarkan membuat tuntutan subsidi bagi saringan COVID-19 sebanyak **RM150 bagi setiap saringan yang telah dijalankan ke atas pekerja mereka yang mencarum dengan PERKESO**. Program subsidi ini akan menggunakan **peruntukan dana sebanyak RM200 juta yang telah diluluskan oleh PERKESO sebelum ini**.

Majikan boleh menghantar pekerja mereka menjalani saringan **di mana-mana klinik atau hospital yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia**. Di bawah program subsidi ini, pekerja asing dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur akan diberi keutamaan untuk menjalani ujian saringan COVID-19. Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjalankan saringan secara bersasar supaya rantai penularan wabak COVID-19 dapat diputuskan. Bagi pekerja yang tidak termasuk dalam golongan sasar tersebut, kos saringan perlu ditanggung oleh majikan sebagai kesinambungan kepada usaha pencegahan jangkitan COVID-19 di kalangan semua pekerja di negara ini.

Peluasan skop saringan COVID-19 di bawah PSP PERKESO menerusi **subsidi saringan akan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020**. Prosedur program subsidi ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Maklumat lanjut berkenaan pengoperasian terkini PSP PERKESO akan dimaklumkan melalui Portal Prihatin (<https://prihatin.perkeso.gov.my>) yang disediakan oleh PERKESO.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA



MEDIA STATEMENT

THE SCOPE OF PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO TO BE EXPANDED WITH SCREENING SUBSIDY FOR EMPLOYERS

PUTRAJAYA, 31 MAY 2020 – The Ministry of Human Resources is committed to expand the reach of the COVID-19 screening to workers through the PSP PERKESO implemented by the Social Security Organisation (SOCSO).

The Ministry of Human Resources, together with the Ministry of Health and Works Ministry have agreed that the scope of PSP PERKESO should be expanded by **increasing the number of COVID-19 screening service providers.**

In accordance with the Government's objective to ensure a safe and healthy workplace, the Human Resources Ministry through SOCSO will provide **a subsidy to employers for the COVID-19 test conducted under PSP PERKESO**. Employers are allowed to claim **a subsidy of RM150 for each of the COVID-19 screening undertaken by their workers, who are SOCSO contributors**. This subsidy programme will utilise the previously approved **RM200 million allocation from SOCSO**.

Employers can send their workers to undergo **screening at any clinics or hospitals approved by the Ministry of Health**. Under this subsidy programme, foreign workers in the construction and security services sectors in Selangor and Kuala Lumpur will be prioritised for the COVID-19 screening. This is in line with the Government's recommendation to undertake targeted screening at high-risk workers to break the chain of COVID-19 transmission. For workers who are not in the target group, the cost of COVID-19 screening should be borne by the employer as a continuity to the efforts to prevent the outbreak among all workers in the country.

The expansion of the scope of PSP PERKESO through **the COVID-19 screening subsidy will take effect from June 1st, 2020**. The procedure of the subsidy programme will be updated from time to time. Latest information on the PSP PERKESO operations will be made available at the Prihatin Portal (<https://prihatin.perkeso.gov.my>) provided by SOCSO.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MINISTER OF HUMAN RESOURCES